

# Kolam atasi banjir Salak Selatan siap 2008

KUALA LUMPUR - Masalah banjir yang menghantui penduduk Salak Selatan dijangka diselesaikan dalam tempoh dua tahun lagi.

Ini berikutan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam proses membina sebuah kolam besar di Bandar Salak Selatan.

Kolam besar yang dinamakan Seri Johor itu akan menjadi saluran alternatif mengelak air

Sungai Kerayong yang melalui kawasan sekitar Salak Selatan daripada melimpah ketika hujan lebat.

Dalam sidang medianya semalam, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok memberitahu, kolam itu mampu menampung 1.1 juta isipadu air setiap hari.

Katanya, keadaan ini mampu mengelakkan

masalah banjir yang kerap melanda Bandar Salak Selatan.

"Ini bermakna apabila hujan, isipadu air hujan bukan saja akan mengalir ke Sungai Kerayong malah ke kolam Seri Johor.

"Pembinaan kolam ini akan mengambil masa 30 bulan dan setakat ini kerja-kerja pembinaan telah berjalan enam bulan.

"Dalam masa sama, JPS akan mendalamkan kuala Sungai Kerayong sebagai langkah penyelesaian sementara," katanya.

Tinjauan *KOSMO!* mendapati pembinaan kolam itu giat dijalankan oleh JPS.

Sehubungan itu, Kok meminta penduduk setempat bersabar menghadapi masalah banjir yang melanda.